



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Julai 18, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS  
PERKHIDMATAN

| A- | A |  
A+ | ENGLISH

## BERITA »

### UPM jalin kerjasama dengan Ewha Womans University dari Korea Selatan

Oleh Mohd Rezuan M. Aspar  
Gambar oleh Hasrul Hamdan



**SERDANG, 6 June (UPM)** – Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ewha Womans University (EWU) dari Korea Selatan hari ini menandatangani satu pakatan untuk bekerjasama dalam berbagai-bagai bidang seperti pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan, latihan dan kebudayaan.

Memorandum persefahaman (MoU) itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Hj Ramlan manakala EWU yang bertapak di Seoul, diwakili oleh Dekan Kolej Sains Semula Jadi (EWU), Prof Sung Jin Kim.

Upacara itu disaksikan oleh Prof Dr Zainal Abidin Talib, Dekan Fakulti Sains UPM dan Prof Lee Nam Sook, Ketua Jabatan Sains Hayat (EWU).

Antara kerjasama di bawah MoU tersebut ialah pertukaran staf dan pelajar, program akademik jangka masa pendek, penyelidikan, program mesyuarat saintifik, sumber manusia, pembangunan keupayaan dan kebudayaan.

EWU adalah sebuah universiti swasta yang ditubuhkan pada 1886 dan dikatakan sebagai sebuah universiti untuk wanita yang terbesar di dunia. Ia mempunyai lebih daripada 19,000 penuntut yang berdaftar, termasuk mereka di peringkat kolej dan pasca siswazah. – UPM

- mрма/kgo

